AMALAN PERLINDUNGAN DARIPADA BALA DAN BAHAYA

[Berdasarkan Sunnah Nabi SAW]

Institut Kajian Hadith dan Akidah (INHAD)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

2020

بسم الله الرحمن الرحيم

[1]

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِى لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَىْءٌ فِى الْأَرْضِ، وَلَا فِى السَّمَاءِ، وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

(Dibaca 3 kali pagi dan 3 kali petang)

Fadilatnya:

Daripada ‘Uthman bin Affan RA berkata: Aku mendengar Nabi SAW bersabda:

"مَنْ قَالَ: **بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ، وَلَا فِي السَّمَاءِ، وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ**، ثَلَاثَ مَرَّاتٍ، لَمْ تُصِبْهُ فَجْأَةُ بَلَاءٍ، حَتَّى يُصْبِحَ، وَمَنْ قَالَهَا حِينَ يُصْبِحُ ثَلَاثُ مَرَّاتٍ، لَمْ تُصِبْهُ فَجْأَةُ بَلَاءٍ حَتَّى يُمْسِيَ".

Terjemahan: “Sesiapa yang membaca: ‘Dengan nama Allah yang tidak ada suatu pun yang dapat memberi kemudharatan dengan nama-Nya, di bumi mahupun di langit, Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui’, sebanyak tiga kali, maka dia tidak akan ditimpa bala yang datang secara tiba-tiba sehingga subuh.

Dan sesiapa yang membacanya ketika subuh sebanyak tiga kali, maka dia tidak akan ditimpa bala yang datang secara tiba-tiba sehingga petang." [HR Abu Dawud (5088) dengan sanad hasan]

[2]

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ.

(Dibaca 1 kali pagi dan 1 kali petang)

Fadilatnya:

Daripada Abu Hurairah RA berkata:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "يَا رَسُولَ اللهِ، مَا لَقِيتُ مِنْ عَقْرَبٍ لَدَغَتْنِي الْبَارِحَةَ"، قَالَ: "أَمَا لَوْ قُلْتَ حِينَ أَمْسَيْتَ: **أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ**، لَمْ تَضُرَّكَ".

Terjemahan: Telah datang seorang lelaki kepada Nabi SAW lalu berkata: Wahai Rasulullah, ada seekor kala jengking telah menyengatku semalam. Maka Nabi SAW bersabda: “Jika kamu membaca ketika waktu petang itu: ‘Aku berlindung dengan kalimah Allah yang sempurna daripada segala keburukan yang Dia ciptakan’, nescaya ia tidak akan dapat memudharatkan kamu.” [HR Muslim dalam *Sahih*nya (2709)]

[3]

اللهُ، اللهُ رَبِّي، لاَ أُشرِكُ بهِ شيئاً.

Fadilatnya:

Daripada Asma' binti 'Umais RA katanya: Rasulullah SAW telah bersabda kepadaku:

"ألا أعلِّمُكِ كلماتٍ تقولينَهُنَّ عندَ الكَربِ: **اللهُ، اللهُ ربِّي، لا أُشرِكُ بهِ شيئاً**".

Terjemahan: "Mahukah aku ajarkan kepada kamu beberapa kalimah yang dapat kamu ucapkannya ketika berlaku kesusahan? Iaitu: Allah, Allah, Tuhanku, aku tidak akan mensyirikkanNya dengan sesuatu apa pun". [HR Ahmad (27127), Abu Dawud (1525) dan Ibn Majah (3882) dengan sanad sahih]

[4]

لاَ إِلهَ إِلاَّ اللهُ الْعَظِيمُ الْحَلِيمُ، لاَ إِلهَ إِلاَّ اللهُ
رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، لاَ إِلهَ إِلاَّ اللهُ رَبُّ
السَّموَاتِ وَرَبُّ الأَرْضِ، وَرَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ.

Fadilatnya:

Daripada Ibn ‘Abbas RA berkata:

"كَانَ رَسُولَ اللهِ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ عِنْدَ الْكَرْبِ: **لاَ إِلهَ إِلاَّ اللهُ الْعَظِيمُ الْحَلِيمُ، لاَ إِلهَ إِلاَّ اللهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، لاَ إِلهَ إِلاَّ اللهُ رَبُّ السَّموَاتِ وَرَبُّ الأَرْضِ وَرَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ.**"

Terjemahan: “Bahawa Rasulullah SAW sentiasa membaca ketika dalam kesusahan: Tiada tuhan melainkan Allah yang Maha Agung lagi Maha Penyantun. Tiada tuhan melainkan Allah Pemilik ‘Arasy yang agung. Tiada tuhan melainkan Allah Pemilik seluruh langit dan bumi serta ‘Arasy yang mulia”. [HR al-Bukhari dan Muslim]

[5]

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْحَلِيمُ الْكَرِيمُ، سُبْحَانَ الله، وَتَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Fadilatnya:

Daripada ‘Ali bin Abi Talib RA berkata:

"علَّمني رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إذا نزل بي كَرْب أن أَقُول: **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْحَلِيمُ الْكَرِيمُ، سُبْحَانَ الله، وَتَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.**"

Terjemahan: “Rasulullah SAW telah mengajarkanku jika aku ditimpa sesuatu kesusahan supaya aku membaca: Tiada tuhan melainkan Allah yang Maha Penyantun lagi Maha Mulia. Maha Suci Allah dan Maha Berkat Allah Pemilik ‘Arasy yang agung. Dan segala puji bagi Allah Tuhan seluruh alam”. [HR Ahmad (701), Ibn Hibban (865) dan al-Hakim (1873), katanya: Sahih menurut syarat Muslim, dan disepakati oleh az-Zahabi]

[6]

يَا حَـيُّ، يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ.

Fadilatnya:

Daripada Anas bin Malik RA berkata:

"كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا كَرَبَهُ أَمْرٌ قَالَ: **يَا حَيُّ، يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ**".

Terjemahan: “Bahawa Nabi SAW apabila dilanda oleh sesuatu masalah, baginda membaca: Wahai Yang Maha Hidup, wahai Yang Maha Mentadbir, dengan rahmatMu aku memohon pertolongan”. [HR al-Tirmidhi, katanya: Hadis gharib. Namun, ia hasan berdasarkan jalan-jalan riwayatnya]

[7]

لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ، سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ.

Fadilatnya:

Daripada Saad bin Abi Waqqas RA berkata:

قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "دَعْوَةُ ذِي النُّونِ إِذْ دَعَا وَهُوَ فِي بَطْنِ الحُوتِ: **لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ**، فَإِنَّهُ لَمْ يَدْعُ بِهَا رَجُلٌ مُسْلِمٌ فِي شَيْءٍ قَطُّ إِلاَّ اسْتَجَابَ اللَّهُ لَهُ".

Terjemahan: Sabda Rasulullah SAW: “Doa pemilik kisah ikan paus (iaitu Nabi Yunus AS) ketika dia berdoa di dalam perut ikan itu: Tiada Tuhan melainkan Engkau, Maha Suci Engkau, sesungguhnya aku adalah dari kalangan orang-orang yang zalim [al-Anbiya': 87]. Maka, sesungguhnya tidak ada seorang lelaki muslim yang berdoa dengannya pada sesuatu perkara pun melainkan Allah akan memakbulkan doanya”. [HR Ahmad (1462), al-Tirmidhi (3505), al-Nasa’i dalam *al-Sunan al-Kubra* (10492) dan al-Hakim (1862), katanya: Sahih sanadnya. Dalam riwayat lain dengan lafaz: “Mahukah aku khabarkan kepada kamu sesuatu yang jika seseorang

daripada kamu ditimpa kesusahan atau bala daripada hal dunia, lalu dia berdoa dengannya, maka akan dilepaskan daripadanya?”]

[8]

أَسْتَغْفِرُ اللهَ.

(Dibaca sebanyak mungkin)

Fadilatnya:

Diriwayatkan daripada Ibnu ‘Abbas RA berkata: Sabda Rasulullah SAW:

"مَنْ لَزِمَ الاستغفارَ جَعَلَ الله له مِن كلِّ ضيقٍ مَخرَجاً، ومِن كلِّ همٍّ فرَجاً، ورزقَه مِن حيثُ لا يحتسِب".

Terjemahan: “Barangsiapa yang melazimi istighfar kepada Allah, maka Allah akan menjadikan untuknya jalan keluar daripada setiap kesempitan, kelapangan daripada setiap kesusahan, serta memberikannya rezeki daripada jalan yang ia tidak sangka-sangka”. [HR Abu Dawud (1518), Ibn Majah (3819), Ahmad (2234), al-Nasa’i dalam *‘Amal al-Yawm wa al-Laylah* (456) dan al-Hakim dalam *al-Mustadrak*]

Tambahan
Doa-doa

[i]

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ البَرَصِ وَالْجُنُونِ
وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

Hadis lengkapnya:

Daripada Anas bin Malik RA berkata:

كَانَ النبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: **اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ البَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.**

Terjemahan: Nabi SAW sentiasa berdoa: “Ya Allah, aku berlindung denganMu daripada penyakit sopak, gila, kusta dan penyakit-penyakit yang buruk.” [HR Abu Dawud (1554), al-Nasa'i (5493) dan Ahmad (13004) dengan sanad sahih]

اَللّٰهُمّ جَنِّبْنِي مُنْكَرَاتِ اَلْأَخْلَاقِ وَالْأَعْمَالِ وَالْأَهْوَاءِ وَالْأَدْوَاءِ.

Hadis lengkapnya:

Daripada Qutbah bin Malik RA berkata:

كَانَ رَسُولُ اَللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ: **اَللَّهُمَّ جَنِّبْنِي مُنْكَرَاتِ اَلْأَخْلَاقِ وَالْأَعْمَالِ وَالْأَهْوَاءِ وَالْأَدْوَاءِ.**

Terjemahan: “Rasulullah SAW sentiasa berdoa: Ya Allah, jauhkanlah aku daripada keburukan akhlak, amalan, hawa nafsu dan segala penyakit.” [HR Ibn Hibban (960) dan al-Hakim (1949), katanya: Sahih sanadnya. Manakala riwayat al-Tirmizi tanpa kalimah yang terakhir]

[iii]

تَحَصَّنْتُ بِذى العِزَّةِ وَالجَبرُوْت وَاعْتَصَمْتُ بِرَبّ الملَكُوت، وَتوَكَّلتُ عَلَىَ الحَىّ الذى لَا يَمُوت، اصْرِفْ عَنَّا الأذَى، إنَّكَ عَلى كُلِّ شَىءٍ قَدِير.

Doa Imam Zarruq al-Fasi (w. 899H) yang masyhur.

Terjemahan: “Aku berlindung dengan Pemilik kemuliaan dan kekuasaan, dan aku berpegang teguh pada Tuhan sekalian alam ghaib, dan aku bertawakkal kepada Yang Maha Hidup yang tidak pernah mati, jauhkanlah kami daripada segala perkara yang menyakitkan. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa ke atas segala sesuatu." (*al-Wazifah al-Zarruqiyyah*)